

# MEMO

**KEPADA** : **Semua Penyewa PBKSB**  
**DARIPADA** : **Pengurus Hartanah**  
**TARIKH** : **6 Januari 2022**  
**PERKARA** : **Penandaan dan Pengasingan Barangan Bercukai/Tidak Bercukai**

---

Susulan daripada penguatkuasaan Seksyen 77B, Akta Kastam (Pindaan) 2019, bermula 1 September 2021, di bawah item No. 19 di dalam Syarat-Syarat Lesen Pangkalan Bekalan Petroleum telah dinyatakan bahawa:-

*"Barangan yang disimpan hendaklah diberi tanda dengan apa-apa tanda pengenalan yang mudah dilihat bagi barang yang telah dibayar duti kastam atau cukai, yang belum dibayar duti kastam atau cukai termasuk barang yang duti kastam atau cukai dikecualikan, barangan dilarang atau barang berbahaya. Barangan hendaklah diletakkan di tempat yang selamat secara teratur agar memudahkan pemeriksaan dilakukan oleh Pegawai Kastam yang mengawal Pangkalan Bekalan Petroleum (PBP)."*

Mohon pihak tuan membuat semakan semula dan mengemaskini tanda barangan berkaitan untuk memastikan arahan di atas dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**"KOMITED, SELAMAT, BERINTEGRITI"**

  
**ZAMRI AWANG**  
  
**KSB** PANGKALAN BEKALAN KEMAMAN SDN. BHD.  
KEMAMAN SUPPLY BASE

S.k. *Pengurus Besar, PBKSB*  
*Pengurus Kanan Operasi, PBKSB*